



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001
Faks : 03-88892187
E-mel : ismail@jpa.gov.my
Web : http://www.jpa.gov.my



Ruj. Kami : JPA(S)(BPO)324/1/7-20 Klt.13 (76)

Tarikh : 2 Jun 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

Y.Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN (KPSL) SECARA ISTIMEWA BAGI ANGGOTA-ANGGOTA DALAM SKIM PERKHIDMATAN JUMUD YANG ADA PERBEKALAN KPSL - PENYELENGGARA STOR RENDAH GRED N11, N14

Dengan hormatnya saya merujuk surat jabatan ini JPA(S)256/21 Klt. 3 Peny. (37) bertarikh 16 Mei 1994 berhubung perkara di atas.

2. Untuk makluman Y. Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, kerajaan telah bersetuju untuk meminda sebahagian daripada syarat-syarat KPSL Secara Istimewa (sepertimana yang dinyatakan di *Lampiran B1* surat berkenaan) bagi membolehkan penyandang jawatan Penyelenggara Stor Rendah (Jumud) Gred N11, N14 ditukar lantik ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17. Syarat di perenggan A(a)(ii) adalah digantikan seperti berikut:

...2/-

“Jika memiliki kelayakan lebih rendah dari SPM/ SPMV hendaklah berkhidmat sekurang-kurangnya 6 tahun dalam perkhidmatan sekarang dan **hadir dengan jayanya kursus peralihan** yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan.”


Lain-lain syarat yang ditetapkan adalah terpakai.

3. Pindaan ini hanya terpakai kepada skim perkhidmatan Penyelenggara Stor Rendah sahaja. Skim-skim perkhidmatan lain yang disenaraikan di *Lampiran B* masih tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Bagi urusan pertukaran pelantikan, pihak Y. Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dinasihati untuk merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002. Sila hubungi jabatan ini (Cawangan Skim Perkhidmatan, Bahagian Pembangunan Organisasi) jika memerlukan penjelasan lanjut.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah



(TAN SRISMAL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia